



PERCUMA 31 Mei - 7 Jun 2013, 21 - 28 Rejab 1434



**KEMUNCAK
HIMPUNAN
BLACKOUT 505**
muka 7

**Kg Sri Indah:
341 keluarga bakal
dapat geran**
muka 14



**Abdul Khalid:
Saya jaga wang
rakyat**
muka 4&5



MENERUSKAN KECEMERLANGAN... DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, berkenan bergambar dengan barisan baru Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2013, selepas selesai mengangkat sumpah jawatan di Istana Alam Shah, Klang.

Oleh AFIX REDZUAN
dan HAFIZAN TAIB

Barisan Exco baru teruskan kecemerlangan

SHAH ALAM - Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor menampilkan empat muka baru dalam barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) dalam usahanya untuk meneruskan kecemerlangan yang dimulakan penggal lalu.

Kesemua sepuluh ahli Exco itu menyempurnakan Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Ikrar Aku Janji Serta Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di hadapan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Majlis yang diadakan di Balai-rong Seri, Istana Alam Shah, Klang, di sini turut dihadiri Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim.

Selangor sekali mencipta se-

jarah apabila ia menjadi negeri pertama yang melantik wanita sebagai speaker dengan pelantikan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh dalam jawatan tertinggi Dewan Negeri Selangor (DNS).

Empat muka baru itu termasuk mantan Speaker penggal lalu dan Adun Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim yang akan menjawat portfolio Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan.

Ganapathi Rao Veraman dilantik Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin.

Adun Sementa, Dr Daroyah

Alwi dilantik Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi.

Manakala Adun Sabak, Sallehin Mukhyi akan memegang portfolio Hal Ehwal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa.

Tokoh barisan lama yang dikekalkan adalah Iskandar Samad, Dr Ahmad Yunus Hairi, Dr Halimah Ali, Ean Yong Hian Wah, Rodziah Ismail dan Elizabeth Wong.

Adun Seri Setia, Nik Nazmi Nik Ahmad pula dilantik Timbalan Speaker.

Dalam ucapannya, Abdul Khalid menjunjung kasih terhadap DYMM Sultan Selangor kerana perkenan melantik Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor bagi penggal ini.

“Patik hamba tua serta pascal-pascal sekalian akan berusaha bagi memastikan pembangunan negeri dan kebajikan rakyat Duli Yang Maha Mulia Tuanku terus dipelihara dengan baik, adil dan saksama.

“Patik tekad berusaha gigih untuk mengekalkan kedudukan Selangor sebagai destinasi pelaburan utama para pelabur

dari dalam mahupun luar negara,” katanya.

Abdul Khalid turut mengulangi rancangannya untuk memberi lebih tumpuan terhadap pembangunan luar bandar di Selangor supaya rakyat di kawasan pedalaman dapat menikmati taraf hidup yang sama dengan mereka yang duduk di bandar.

“Tiada gunanya jika negeri Selangor bergelut negeri maju, sedangkan sebilangan penduduk, terutama penduduk luar bandar masih tercicir dalam hal menikmati kemajuan di negeri ini,” kata Abdul Khalid.

Sultan Selangor: Utama kehendak rakyat, jauhi gejala rasuah

Oleh AFIX REDZUAN

KLANG - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bertitah agar pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor yang diketuai Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengutamakan kehendak rakyat, selain terus memacu negeri menjadi lebih maju.

Baginda ketika Istiadat Angkat Sumpah Jawatan dan Ikrar Aku Janji Serta Pengurniaan Surat Cara Pelantikan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor menegaskan, sekarang merupakan masa untuk melaksanakan janji Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) seperti yang dinyatakan di dalam manifesto.

"Peranan utama Datuk Menteri Besar dan Ahli-ahli Yang Berhormat adalah untuk membangunkan program yang memberikan impak sebenar kepada negeri Selangor ke arah mencapai kemajuan dan kemakmuran.

"Setiap tanggungjawab yang bakal dipikul hendaklah dikendalikan secara



Sultan Selangor bertitah ketika menyampaikan watikah pelantikan Exco Kerajaan Negeri Selangor

intelektual dan bukan secara emosi dengan mendahulukan kepentingan rakyat dan negeri, berbanding kepentingan diri atau parti masing-masing.

"Beta menyeru agar keutamaan

diberikan ke arah mencapai kemajuan negeri Selangor ini, di samping memastikan kehidupan rakyat yang berbilang kaum hidup dengan selesa, aman, damai dan harmoni sehingga ke

generasi akan datang," titah baginda.

Baginda juga menyeru Ahli-ahli Yang Berhormat menjauhkan diri daripada rasuah kerana ia boleh menjatuhkan maruah dan imej seseorang dan merosakkan negeri.

"Rakyat juga amat benci dengan pemimpin yang terlibat dalam gejala rasuah," titah baginda lagi.

Rakyat kini, titah baginda makin bijak menilai serta mengetahui kehendak dan keperluan mereka ditambah dengan bantuan media masa yang bebas dan media elektronik yang canggih untuk mendapatkan maklumat lebih pantas.

Sultan Selangor berkenan menyampaikan watikah Pelantikan Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor di Balairong Seri, Istana Alam Shah, Klang.

Kerajaan Selangor turut mencatat sejarah sebagai negeri pertama yang mempunyai Speaker wanita dengan pelantikan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh ke jawatan itu.

Exco baru tekad terus kecemerlangan

KLANG - Exco Kerajaan Negeri Selangor yang baru dilantik bersedia meneruskan kecemerlangan pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) Selangor untuk penggal kedua.

Pasukan pentadbiran kali ini menampilkan empat muka baru selain mengekalkan enam muka lama bagi melaksana-

kan tanggungjawab terhadap rakyat.

Empat muka baru berkenaan adalah Adun Sabak, Sallehin Mukhyi, Adun Kota Alam Shah, Ganapathi Rao Veraman, Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi dan Adun Sungai Pinang, Datuk Teng Chang Khim.

Masing-masing ketika dite-

mui selepas istiadat angkat sumpah di hadapan DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, mengakui cabaran kali ini lebih berat memandangkan kepercayaan rakyat makin tinggi seperti yang dizahirkan pada pilihan raya baru-baru ini.

Pemegang Portfolio Hal Eh-

wal Islam, Permodenan Pertanian dan Pembangunan Desa, Sallehin Mukhyi akan berusaha melahirkan masyarakat beragama Islam yang baik.

"Saya juga akan dalam masa terdekat akan memanggil semua agensi yang terlibat, terutama Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) untuk membincangkan pelan jangka pendek atau jangka panjang," katanya ringkas.

Bagi Ganapathi, meskipun merupakan Exco tunggal berbangsa India, namun tugas dan tanggungjawab perlu dilaksanakan tanpa mengira kaum agar aspirasi rakyat dapat dilaksanakan.

Menurut Exco Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin ini lagi, peluang yang diberikan oleh Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dan kepimpinan DAP akan dimanfaatkan sebaiknya.

"Perlu difahamkan semua parti mewakili semua kaum," katanya.

Mantan Speaker Selangor,

Datuk Teng Chang Khim yang kini mengalas tugas sebagai Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan merupakan satu cabaran hebat.

"Di Selangor kita mempunyai bilangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) yang agak banyak, iaitu 12 PBT berbanding negeri lain.

"Saya akan cuba ubah persepsi rakyat dan memastikan kesemua PBT ini dapat berfungsi dengan baik," katanya

Sementara itu, peningkatan jumlah Exco wanita di dalam pasukan pentadbiran Kerajaan Negeri menunjukkan kepercayaan wanita dalam mengurus tadbir sekiranya diberikan lebih ruang.

Menurut Exco Kesihatan, Pembangunan Usahawan, Sains, Teknologi dan Inovasi, Dr Daroyah Alwi, beliau akan duduk berbincang bersama pegawai terlibat bagi mengetahui status perkembangan program sepanjang lima tahun lalu sebelum merangka pelan baru untuk kemudahan rakyat.



Gandingan mantap Exco Wanita baru dan lama, bakal mencorak kepimpinan masa depan Kerajaan Negeri Selangor



**YAB TAN SRI DATO' SERI
ABDUL KHALID IBRAHIM**
(Adun Pelabuhan Klang)
Kewangan, Pembangunan Tanah dan Pengurusan
Sumber Alam (Pemutihan Kilang Haram);
Majlis Tindakan Ekonomi Negeri (Pelaburan,
Pembangunan Desa dan Pelancongan);
Penerangan dan Jawatankuasa Adat Melayu

Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor 2013



PAS

YB Tuan Iskandar Abdul Samad
(Adun Chempaka)
Perumahan, Pengurusan Bangunan
dan Peneroka Bandar



PAS

YB Puan Dr. Halimah Ali
(Adun Selat Klang)
Pendidikan dan Pendidikan Tinggi;
Pembangunan Modal Insan



PAS

YB Tuan Dr Ahmad Yunus Hairi
(Adun Sijangkang)
Belia dan Sukan; Infrastruktur
dan Kemudahan Awam



PAS

YB Tuan Sallehin Mukhyi
(Adun Sabak)
Hal Ehwal Islam, Permodenan
Pertanian dan Pembangunan Desa



DAP

YB Dato' Teng Chang Khim
(Adun Sungai Pinang)
Kerajaan Tempatan, Kajian
dan Penyelidikan



DAP

YB Tuan Ean Yong Hian Wah
(Adun Sri Kembangan)
Pelaburan, Perindustrian dan
Perdagangan; Pembangunan Kampung
Baharu dan Pemutihan Kilang Haram



DAP

YB Tuan Ganapathi Rao a/l Veraman
(Adun Kota Alam Shah)
Pekerja Ladang, Kemiskinan dan
Kerajaan Prihatin



PKR

YB Puan Dr. Rodziah Ismail
(Adun Batu Tiga)
Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita



PKR

**YB Puan Wong Keat Ping
@ Elizabeth Wong**
(Adun Bukit Lanjan)
Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna
dan Alam Sekitar



PKR

YB Puan Dr. Daroyah Alwi
(Adun Sementa)
Kesihatan, Pembangunan Usahawan,
Sains, Teknologi dan Inovasi



**SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI
DATO' HAJI MOHAMMED KHUSRIN
BIN HAJI MUNAWI**



**PENASIHAT UNDANG-UNDANG
DATIN PADUKA ZAUYAH BE
T. LOTH KHAN**



**PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DATO' NOORDIN SULAIMAN**

Wartawan:
Mohd Ezli Mashut,
Norhayati Umor
& Nazli Ibrahim

Jurufoto:
Raheemie Arifin
& Shuaib Ayob



PKR usul rombak kerusi parlimen



Mengutuk sekeras-kerasnya tindakan segelintir pihak yang terus memainkan sentimen perkauman berikutan pilihan raya yang lalu

USUL pilihan raya Kongres Nasional Keadilan Ke-9 membuat enam tuntutan antaranya merombak saiz kawasan parlimen dan dewan undangan negeri dan terus bina muafakat nasional untuk mempertikaikan kemenangan kerajaan Umno-BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13.

Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail berkata, antara tuntutan adalah :

- Mendesak perletakan jawatan semua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana gagal melaksanakan pilihan raya yang bebas dan adil.
- Selain itu, mengutuk sekeras-kerasnya tindakan segelintir pihak yang terus memainkan sentimen perkauman berikutan pilihan raya yang lalu.
- Membina muafakat nasional bagi mempersoalkan keabsahan kerajaan Umno-BN

yang menang dengan penipuan, penyelewengan dan ketidakadilan

- Memperjuangkan reformasi tulen sistem pilihan raya dengan melibatkan semua pihak bagi mengembalikan kewibawaan sistem demokrasi negara.
- Menyokong pasukan parti untuk menyiasat pelbagai ketempangan pilihan raya dan bekerjasama dengan rakan-rakan Pakatan Rakyat (PR) serta Tribunal Rakyat yang ditubuhkan Bersih.
- Merombak saiz kerusi bagi mengelakkan perbezaan saiz ketara yang wujud masa kini bagi memastikan keseimbangan undi di antara setiap rakyat Malaysia.

Usul tersebut dibentangkan di hadapan kira-kira lebih 1,000 perwakilan Kongres Keadilan Ke-9 PKR di Dewan Sivil Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Tumpuan pembangunan luar bandar

SIMPANAN Rizab Selangor yang berjumlah RM2.6 bilion akan digunakan secara berhemah untuk membangunkan kawasan luar bandar di negeri itu.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, beliau merangka rancangan tiga tahun untuk membangunkan kawasan desa supaya rakyat di pedalaman dapat menikmati kualiti hidup yang setaraf dengan mereka di bandar.

Beliau juga berkata pelan tiga tahun itu merangkumi usaha untuk mempertingkatkan pendapatan

penghuni kawasan pedalaman.

Pada masa yang sama, wang rizab yang dibelanjakan akan ditambah dengan mencari sumber pendapatan baru.

“Duit itu akan dijaga dengan baik dan dilihat ke mana wang itu dibelanjakan. Saya akan mencari mereka yang menyalahgunakan duit rakyat dan dikembalikan dalam dana simpanan negeri supaya dapat digunakan untuk rakyat.

“Dari masa ke semasa saya akan mengumumkan apa yang dilakukan dan hal yang akan dilakukan,” kata Abdul Khalid.

Abdul Khalid: Saya jaga wang rakyat

Oleh MOHD EZLI MASHUT

TAN Sri Abdul Khalid Ibrahim menerima teguran yang melabelkan beliau sebagai ketua kerajaan yang ‘kedekut’ dalam menguruskan wang rakyat dalam Kerajaan Negeri Selangor.

“Ada mengatakan bahawa saya sangat kedekut, itu saya terima sebab bukan duit saya,” kata beliau dalam ucapannya di Kongres Ke-9 PKR, di sini.

Selama lima tahun menjadi Menteri Besar, Abdul Khalid berjaya meningkatkan rizab Selangor daripada RM400 juta kepada RM2.6 bilion.

“Sebab saya hendak ceritakan bahawa saya dididik oleh ibu saya ketika menjadi pengurus PNB berkenaan pengurusan wang yang besar sehingga beratus juta.



Anwar sedang memperkatakan sesuatu kepada Abdul Khalid

“Maka ibu saya menanyakan saya berkenaan pelaburan beratus juta, sudahkah mengira wang tersebut?”

“Dan memberitahu kepada saya maka perlu mengira wang

itu, jika hilang keluarga kita tidak dapat membayarnya.

“Jadi, awak tidak boleh hilang duit itu, itu tanggungjawab kita dan keluarga menanggungnya,” kata Abdul Khalid yang juga Adun Pelabuhan Klang.

“Sebab jika sudah RM2.6 bilion wang rizab negeri dan tidak menjaga wang itu, maka rakyat akan menyumpahnya.

“Saya kena gunakan duit itu dengan lebih baik lagi dan kini saya akan belanjakan dengan baik,” katanya.

Kiri: Jumlah kehadiran yang menggalakan, bukti barisan wanita PKR terus menjadi komposisi penting dalam parti

Bawah: Sebahagian daripada tetamu dan pimpinan PKR yang hadir pada sidang kongres



PKR menggesa sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan bagi menyiasat pemberian kad pengenalan kepada warga asing di seluruh negara dan bukan Sabah sahaja.

Presiden PKR, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, usaha tersebut bagi menyiasat dakwaan bahawa ramai warga asing diberi untuk mengundi pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu.

Beliau menyatakan perkara itu dalam ucapannya di Kongres Nasional Keadilan Ke-9 yang berlangsung di Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) di sini.

Wan Azizah turut mengulangi pendirian Pakatan Rakyat (PR) yang mahu kepimpinan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meletak jawatan kerana gagal melaksanakan PRU-13 dengan adil, bersih dan telus.

“Integriti Suruhanjaya Pilihan Raya dipertikaikan kerana kecurangan SPR mengkhianati perjalanan pilihan raya. Peng-
g u n a a n
d a k w a t



Jawatan GLC bukan rizab parti

KETUA Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan bahawa individu yang mengendalikan syarikat berkaitan Kerajaan Negeri (GLC) haruslah berkelayakan tinggi dan berintegriti, yang bukan semestinya tokoh politik.

Dalam ucapan penggulungannya, beliau menjelaskan bahawa kedudukan GLC bukan merupakan rizab parti.

“Kita jangan kompromi dengan prinsip integriti pentadbiran yang baik yang kita bicarakan, kedudukan GLC bukan rizab parti.

“Dan sesiapa yang duduk dalam GLC itu mungkin orang politik mungkin juga tidak. Tetapi orang itu mesti ada kelayakan yang tidak akan mencampuri urusan parti,” katanya di Kongres Nasional PKR Ke-9, di Dewan Sivik Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Dalam sidang media kemudi-



Wan Azizah: Kecurangan SPR rampas kemenangan PR



Wartawan:
Mohd Ezli Mashut,
Norhayati Umor
& Nazli Ibrahim
Jurufoto:
Raheemie Arifin
& Shuaib Ayob

yang tidak kekal ini adalah bukti jelas proses PRU yang dijalankan adalah tidak telus,” kata beliau.

Ujar Wan Azizah lagi, terdapat bukti bahawa jumlah kertas

undi di dalam peti undi jauh berbeza dengan jumlah yang dikeluarkan, seperti di dalam kes Parlimen Balik Pulau.

“Mandat yang diberikan kepada Pakatan Rakyat dalam PRU dinafikan dan dirampas oleh BN lantaran kecurangan SPR yang mengkhianati proses pilihan raya,” kata Dr Wan Azizah.

annya, Anwar turut menjelaskan ahli parti tidak sewajarnya terlibat dalam mana-mana perkhidmatan awam atau Kerajaan Negeri.

“Isunya ialah individu itu perlu benar-benar profesional untuk mengendalikan sesebuah organisasi

dan tidak mewakili parti.

“Parti tidak wajar dilihat atau terlibat secara langsung dalam mana-mana pengurusan perkhidmatan awam urus niaga negeri. Kita mesti mengasingkan tanggungjawab mereka,” katanya



TERSENYUM... barangkali ada sesuatu yang mencuit hati Nurul Izzah dan Ahli Parlimen Kuantan, Fuziah Salleh



Sehubungan itu, sudah sampai masanya, bagi PR terus mengasak ROS bagi meluluskan PR sebagai sebuah entiti dengan fokus ‘satu parti, satu bendera, satu pengerusi dan satu manifesto

AMK: Asak ROS lulus pendaftaran PR

ANGKATAN Muda Keadilan (AMK) menggesa Pakatan Rakyat (PR) mengasak Pendaftaran Pertubuhan (ROS) supaya segera meluluskan pendaftaran Pakatan sebagai sebuah entiti.

Menurut Ketua AMK, Shamsul Iskandar Md Akin kegagalan berbuat demikian hanya menyukarkan untuk PR bergerak sebagai sebuah entiti sehingga berlaku pertembungan sesama sendiri dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu.

“Ia masih menunjukkan kelemahan PR untuk menjamin kesatuan dan kerjasama dalam memfokuskan sasaran dengan menumbangkan satu sahaja musuh, iaitu BN.

“Sehubungan itu, sudah sampai masanya, bagi PR terus mengasak ROS bagi meluluskan PR sebagai sebuah entiti dengan fokus ‘satu parti, satu bendera, satu pengerusi dan satu manifesto,” ujar Shamsul dalam ucapan dasarnya dalam

Kongres AMK di Dewan Sivik Majlis Perbandaran Petaling Jaya (MBPJ) di sini.

Sebelum ini, PR mengemukakan permohonan pendaftaran pada 2010 namun menghadapi halangan yang mana ROS mengkehendaki ia didaftar sebagai ‘Pakatan Rakyat Malaysia’.

ROS turut menolak pendaftaran PR dengan alasan Datuk Zaid Ibrahim yang ketika itu bertindak sebagai Pengerusi Jawatankuasa Pendaftaran tersebut sudah keluar daripada PR.

PR selepas itu memasukan pendaftaran baru dengan menamakan Datuk Kamaruddin Jaffar sebagai Pengerusi Jawatankuasa Penaja PR yang baru.

Bagaimanapun menurut Setiausaha Agung PKR, Datuk Saifuddin Nasution Ismail dalam satu sidang media pada 3 Januari lalu, sehingga kini ROS masih tidak memberikan sebarang jawapan terhadap permohonan tersebut.



Kertas undi lebih daripada jumlah sebenar

PETALING JAYA - Pakatan Rakyat (PR) mendedahkan penipuan yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU13) lalu dengan dakwaan undi melebihi kertas undi dikeluarkan dalam peti undi sepertimana berlaku di kawasan Parlimen Balik Pulau di Pulau Pinang.

Pengarah Strategi PKR, Rafizi Ramli (*gambar*) mendakwa bagi pengundian di saluran 2 di SRJK(C) Yu Chye, tercatat perbezaan jumlah kertas undi yang berada di dalam peti undi selepas pengundian dijalankan.

"Borang 13, iaitu Penyata Kertas Undi bagi Parlimen Balik Pulau menunjukkan sebanyak 424 kertas undi dikeluarkan.

"Selepas pengiraan dibuat dan keputusan dipindahkan ke Borang 14, iaitu penyata pengundian selepas pengiraan undi, keputusan menunjukkan

terdapat 562 undi di dalam peti undi, iaitu 138 undi melebihi daripada jumlah kertas undi yang dikeluarkan," katanya dalam sidang media di sini.

Ahli Parlimen Pandan itu berkata, jumlah undi di dalam peti undi yang lebih menyeleweng keputusan bagi parlimen dan DUN di antara 138 hingga 318 undi.

Katanya, dengan majoriti yang rendah dan undi rosak yang tinggi, keputusan di saluran dua itu sahaja sudah cukup

untuk mengubah keputusan bagi peringkat Parlimen Balik Pulau dan DUN Telok Bahang.

"Kejadian ini membuktikan bahawa peristiwa undi yang dikira melebihi daripada kertas undi yang mulanya dikeluarkan memang berlaku.

"Ia berlaku di Balik Pulau dan sudah tentu juga berlaku di tempat lain," katanya.



Thamrin, Tian Chua dan aktivis, Hariz Ibrahim sebaik dibebaskan dari lokap Balai Polis Jinjang

Pendakwaan di bawah akta hasutan, pilih kasih, zalim

Oleh ANNA FARINA ABDUL RAUF

SHAH ALAM - Pertuduhan mengikut Akta Hasutan 1948 yang dikenakan terhadap seorang pemimpin Pakatan Rakyat (PR) dan empat aktivis adalah zalim kerana akta tersebut bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan.

Ahli Parlimen Batu, Tian Chua, ahli seumur hidup PAS, Thamrin Ghafar dan aktivis Hariz Ibrahim, Safwan Anang dan Hishamuddin Rais, didakwa di Mahkamah Seksyen kerana kenyataan di sebuah forum pada satu forum 13 Mei lalu.

Sebelum ini, Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak pernah mengakui akta tersebut menyekat kebebasan bersuara dan berjanji untuk menghapuskan

akta tersebut.

Peguam Gobind Singh Deo (*gambar*) berkata, pihaknya akan menggunakan hujah bahawa akta itu bercanggah dengan perlembagaan sebagai asas untuk membatalkan kes itu di Mahkamah Tinggi.



Menurut Gobind lagi, kata-kata yang dituturkan oleh ketiga-tiga tertuduh sama sekali tiada unsur hasutan.

"Apa yang disebut atau dikatakan merupakan perkataan-perkataan menghasut itu memang tidak menghasut seperti sedia ada," kata Gobind yang juga Ahli Parlimen Puchong.

Kelima-lima individu tersebut dituduh di bawah Seksyen 4(1)(b) Akta Hasutan 1948 di Mahkamah Sesyen Jalan Duta di sini.

Mereka mengaku tidak ber-

salah dan Hakim Norsharidah Awang membenarkan mereka diikat jamin RM5,000 setiap seorang.

Pendengaran kes ditetapkan pada 2 Julai. Jika disabit kesalahan boleh dipenjarakan tiga tahun atau denda RM5,000 atau kedua-duanya.

Gobind menyifatkan pendakwaan ini juga sebagai pilih kasih.

Sehingga kini, tiada tindakan drastik dikenakan ke atas bekas Hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mohd Noor Abdullah yang dilaporkan menyeru golongan Melayu agar bertindak dengan lebih agresif untuk mempertahankan hak mereka serta menyusun semula masyarakat, ekoran keputusan pilihan raya umum (PRU), 5 Mei.

Beliau membuat seruan demikian kerana orang Cina didakwa mengkhianati ikatan setia kawan orang Melayu melalui usaha untuk merampas kuasa politik.

Selangor Kini

SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Faekah Husin

Arfa' eza Abdul Aziz

KETUA PENGARANG: Sheridan Mahavera Mohd Shakir PENGARANG BERITA: Najib Hashim

PENOLONG PENGARANG BERITA: Mohd Ezli Mashut PEMBANTU PENGARANG: Rusidah Salim

WARTAWAN: Afix Redzuan: afixredzuan@gmail.com, Afeeqa Afeera: afeeqa_afeera@yahoo.com,

Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com, Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com

JURUGAMBAR: Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Asri Sapfie

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB, Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites,

No 1, Persiaran, Akuatik 13/43, Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: newsselangorkini@gmail.com



Himpunan Black 505, rakyat tuntutan reformasi SPR




PETALING JAYA - Padang Timur bergema dengan nyanyian bersemangat lagu 'Negaraku' oleh puluhan ribu peserta Himpunan Black 505, 'Suara Rakyat Suara Keramat'.

Kehadiran peserta berbilang bangsa itu, bukti jelas bahawa percubaan Umno-BN untuk menyalakan api perkauman melalui media, sama sekali tidak berjaya.

Himpunan kali ini merupakan kemuncak kepada siri Himpunan Black 505 yang bermula di Stadium Kelana Jaya dan kemudiannya diteruskan di Pulau Pinang, Perak, Pahang, Johor, Negeri Sembilan, Kedah, Terengganu dan Melaka.

Himpunan anjuran 54 gabungan NGO itu membawa tiga tuntutan utama, iaitu mendesak pimpinan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meletak jawatan, menuntut pilihan raya diadakan semula di kawasan disyaki berlaku penipuan dan menyokong tribunal rakyat bagi menyiasat dakwaan kes penipuan pada PRU-13 lalu.





▲ Adun Sementa, Dr Daroyah Alwi, memotong kek Hari Guru bagi mengucapkan terima kasih atas jasa-jasa dan pengorbanan mereka dalam mendidik anak bangsa. Beberapa biji kek juga turut diedar ke sekolah-sekolah sekitar DUN tersebut



▲ Adun Paya Jaras, Khairuddin Othman, berkunjung ke pejabat Pegawai Daerah Petaling, Datuk Zulkepli Ahmad, sebagai permulaan usaha menyelesaikan isu pemilikan tanah rakyat di DUN beliau



▲ Bagi menghargai kejayaan yang diperolehi dalam UPSR lalu, Ahli Parlimen Kapar, G. Manivannan menyampaikan cenderahati kepada para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang



▲ Dr Idris Ahmad, meninjau program derma darah yang diadakan di SRJK Yuk Chih, Bestari Jaya



▲ PENYAYANG... Sempena Hari Guru, Dr Rani Osman, menyerahkan kek serta hamper ketika mengadakan lawatan ke Tadika Pasti di sekitar DUN Meru



▲ Gotong-royong anjuran Lembaga Zakat Selangor (LZS) sempena Program 'Zakat di Hati' dengan kerjasama Pejabat Adun, penduduk setempat dan Dewan Pemuda PAS Gombak. Hadir sama Adun Gombak Setia, Ustaz Hasbullah Mohd Ridwan (baju ungu)



▲ Ahli Parlimen Sepang, Mohamed Hanipa Maiden (baju biru muda) dan Adun Tanjung Sepat, Mohd Haslin Hassan (baju batik) pada Majlis Jamuan Terima Kasih Rakyat di Dewan Muhibbah Tanjung Sepat



▲ Pelajar tahun 1, Kuliah Undang-Undang Universiti Islam Antarabangsa (UIA), Nuramni Fatira Mohd Nizam, Nur Dhaniah Aqilah, Syahira Zakaria dan Fatin Nabilah menemu-ramah Adun Hulu Kelang, Saari Sungib mengenai perbezaan Shura dan Demokrasi Barat



▲ TAHNIAH... Adun Morib, Hasnul Baharuddin, menyampaikan hadiah kepada juara Pertandingan Minibike di Pantai Kelanang



▲ Adun Taman Medan, Haniza Talha, bertemu pengundi-pengundi di Pasar Besar Jalan Othman, PJ Old Town bagi menyatakan terima kasih atas sokongan padu mereka kepada Pakatan Rakyat

Adun Morib janji selesai masalah Terminal Teksi Kuala Langat

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

BANTING - Pengusaha teksi di Terminal Teksi Kuala Langat boleh menarik nafas lega apabila Adun Morib, Hasnul Baharuddin berusaha membantu menyelesaikan masalah kekurangan penumpang sejak lima tahun lalu.

Kekurangan pelanggan ini ekoran kedudukan terminal yang agak terlindung dan jauh daripada hentian bas yang menurunkan penumpang.

Situasi ini mengundang kepada berleluasanya aktiviti kereta sapu yang mengambil penumpang sewenang-wenangnya.

Menurut Hasnul, beliau akan membawa perkara ini untuk dibincangkan ketika sidang Dewan

Negeri Selangor (DNS) supaya satu tindakan khusus dapat diambil pada kadar segera.

Jelasnya, beliau mencadangkan supaya Kerajaan Negeri mengambil semula tanah berkenaan daripada pemaju swasta, Ehsan Istimewa Sdn Bhd untuk dibangunkan semula.

"Kalau boleh, Kerajaan Negeri ambil semula tanah ini kerana pemaju ternyata gagal memenuhi janji yang akhirnya membebankan pengusaha teksi dan penduduk secara amnya," ujar beliau.

Sebelum ini, mantan Menteri Besar, Dr Khir Toyo menyerahkan tanah yang berkeluasan tiga ekar itu kepada syarikat swasta yang didakwa kroninya untuk dibangunkan.

Bagaimanapun, pemaju hanya membina sebuah bazar, beberapa buah kedai dan gerai, namun tidak mengalihkan terminal teksi itu jauh dari terminal bas berhampiran.

Dalam pada itu, wakil pengusaha Persatuan Teksi Kuala Langat, Anwar Sidek, 34, berkata, beliau dan pengusaha teksi lain sudah mengadakan beberapa sesi dialog bersama Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Darat (SPAD), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) serta agensi lain, namun tiada tindakan sehingga kini.

"Kalau dulu, ahli persatuan kami 80 orang, tetapi kini hanya tinggal 50 orang kerana ramai yang tidak dapat cari makan kerana masalah ini," katanya.



LENGANG... Hasnul (dua dari kiri) bertanyakan sesuatu kepada pemandu teksi di Terminal Teksi Kuala Langat

Kg Sg Labu dijadikan tarikan pelancongan

SUNGAI BESAR - Kesenambungan untuk membangunkan kawasan DUN Sekinchan sebagai kawasan pelancongan terkemuka dan terkenal negara yang menarik pelancong dalam dan luar negara menjadi antara agenda Adun kawasan itu, Ng Suee Lim (*gambar*).



"Saya terus mempromosikan lagi promosi kawasan Sekinchan sebagai kawasan eko-pelancongan kerana untuk menarik lebih ramai pelancong datang memerlukan gerak kerja dan kaedah yang berbeza mengikut semasa.

"Dan saya menubuhkan persatuan pelancongan di Sekinchan bagi memperhebatkan gerak kerja untuk mempromosikan Sekinchan sebagai destinasi pelancongan lebih pesat," kata Suee Lim.

Beliau berkata, kawasan pantai di kawasan Kampung Sungai

Labu akan dibangunkan menjadi kawasan peranginan yang menarik dengan beberapa infrastruktur dan kemudahan akan dibina di kawasan itu.

"Kawasan pantai di sini lebih bersih dan memanjang sesuai untuk dibangunkan sebagai tarikan baru dan juga boleh dijadikan lokasi penggambaran drama dan juga filem," kata beliau.

Tambah beliau lagi, pembangunan industri kecil dan sederhana (IKS) dan produk kampung akan terus diberi bantuan dan sokongan daripada Kerajaan Negeri.

Katanya, ia berharap produk dari kawasan Sekinchan seperti pembuatan makanan ringan, kuih, kerepek dan hasil laut dapat dipasarkan di peringkat yang lebih luas lagi dalam dan luar negara.



Pantai di Kampung Sungai Labu akan dibangunkan sebagai kawasan pelancongan

Lot Bumiputra Terhad

PACIFIC PLACE
@ARA DAMANSARA

Kediaman Yang Prestij dan Penuh Kerian




RESIDENSI
Keluasan Daripada
531 k.p.s. - 1,377 k.p.s.

Harga Daripada
RM441,560*
(Harga Bumiputra)

Lokasi Yang Pesat Membangun di Ara Damansara
Dikelilingi oleh 7 Lebuh Raya Utama (NKVE, KESAS, Lebuh Raya Persekutuan, LDP, ELITE, SPRINT & LKSA) Berdekatan dengan lokasi-lokasi berikut :
Subang Jaya / Lapangan Terbang Subang, Bandar Sunway, Shah Alam, One Utama, Kota Damansara, IKEA, The Curve, Bukit Raja, Sg Buloh, Klang dan lain-lain

Untuk Maklumat Lanjut : **603-8023 2767**
603-8023 3122

Satu lagi projek oleh: **Island Circle**
Pemaju: MNH Global Assets Management Sdn Bhd
9, Jalan USJ Sentral 1, USJ Sentral, Persiaran Subang 1, 47600 Subang Jaya, Selangor D.E. Malaysia
Tel: 603 - 8023 2767 Fax: 603 - 8024 5787 Email: property@islandcircle.com.my

Lawatlah Galeri Jualan Kami @ USJ Sentral



* No. Lesen Pemaju : 11425-1/12-2015/1377 • Tempoh Sah : 02/12/2010 - 01/12/2015 • No. Permit Iklan : 11425-1/418/2014(02) • Tempoh Sah : 19/02/2013 - 18/02/2014 • Pihak Berkuasa Yang Meluluskan : MBPJ • No. Kelulusan Pelan : (D)MBPJ/120100/P/10/976/2010 • Jumlah Unit : 972 (Blok A,B,C,D & E), 601 (Blok G,H & J) • Baki Unit : 49 (Blok A,B,C,D & E), 427 (Blok G,H & J) • Pegangan Tanah : 99 tahun (Tarikh Luput : 04/09/2097) • Tarikh Dijangka Siap : November 2013 (Blok A,B,C,D & E), November 2015 (Blok G,H & J) • Bebanan Tanah : Dipadai kepada Malayan Banking Berhad • Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digadai melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri • Jenis Hartanah : **Pangsapuri Servis** • Harga Min : RM441,560 • Harga Maks : RM1,159,800 • Diskaun 5% untuk Bumiputra (Blok A,B,C,D,E,G,H & J) • *tertakluk kepada terma & syarat

MENCORAK MASYARAKAT



unisel
UNIVERSITI SELANGOR

Tertinggi Kebolehpasaran Graduan dan Peluang Melanjutkan Pengajian

DIPLOMA

Aplikasi Komputer Dalam Perniagaan

[KPT/JPS(R/482/4/0010)05/16]

Sains Komputer

(Pengkomputeran Industri)

[KPT/JPS(R/481/4/0043)05/16]

Teknologi Mudahalihan

[KPT/JPS(R/310/4/0002) 05/16]

Industri Multimedia

[KPT/JPS(R/213/4/0012)05/16]

Teknologi Maklumat

[KPT/JPS(KR11336)06/15]

Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik

[KPT/JPS(KR6705)01/16]

Kejuruteraan Mekanikal

[KPT/JPS(KR6703)01/16]

Industri Bioteknologi

[KPT/JPS(KR9127)09/13]

Akuakultur

[KPT/JPS(KA7848)01/14]

Teknologi Industri

[KPT/JPS(KA8894)06/13]

Sains Kuantitatif

[KPT/JPS(N/462/4/0004)07/17]

Pengurusan Perniagaan

[KPT/JPS(KR11334)06/15]

Perakaunan

[KPT/JPS(KR11335)01/15]

Pengurusan Pentadbiran

[KPT/JPS(R/345/4/0116)10/16]

Pengurusan Industri Sukan

[KPT/JPS(R/813/4/0010)05/17]

Komunikasi dan Media

[KPT/JPS(R/321/14/0030)12/16]

Seni Reka Grafik Digital

[KPT/JPS(R/213/6/0007)05/16]

Teknologi Fotografi

[KPT/JPS(R/321/4/0042)05/17]

Pengimejan Perubatan

[KPT/JPS(R/725/4/0012)07/16]

Kesihatan Persekitaran

[KPT/JPS(R/862/4/0006)07/16]

Fisioterapi

[KPT/JPS(R/726/4/0007)07/16]

Teknologi Makmal Perubatan

[KPT/JPS(R/725/4/0011)07/16]

Kejururawatan

[KPT/JPS(KA 7153)11/15]

Pendidikan (Pengajaran Bahasa

Inggeris Sebagai Bahasa kedua) (TESL)

[KPT/JPS(R/145/4/0021)02/17]

Pendidikan

(Pengajian Pra Sekolah)

[KPT/JPS(R/143/4/0001)07/16]

Pendidikan (Pengajian Islam)

[KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17]

Sains Perpustakaan

[KPT/JPS(R/322/4/0003)10/16]

PENGAMBILAN TAHUN ASAS MEI 2013

Program Asas Sarjana Muda Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa kedua) (TESL)

[KPT/JPS(R/144/3/0003)07/17]

Program Asas Pengurusan

[KPT/JPS(R/345/3/0172)02/17]

Program Asas Teknologi Maklumat

[KPT/JPS(R/482/3/0008)08/16]

Pengajian Tahun Asas (Sains)

[KPT/JPS(R/421/3/0009)03/17]

***PENDAFTARAN 25 MEI 2013**

Untuk senarai penuh program yang ditawarkan sila layari:

www.unisel.edu.my

Permohonan melalui talian:

apply.unisel.edu.my

Lain-Lain Pengambilan 2013
IJAZAH SARJANA MUDA & DIPLOMA
APRIL/JUN/OGOS/OKTOBER

Maklumat lanjut, hubungi:

+603-5522 3400/3535/3435/3436

Atau e-mel:

admission@unisel.edu.my

(KPT/JPT/DFT/US/B06 | KPT/SPIPTS/DFT/US/B18)

PELUANG MENGIKUTI PROGRAM BERKUALITI DI UNIVERSITI YANG MANTAP DAN DINAMIK



IJAZAH SARJANA MUDA (KEPUJIAN)

Teknologi Maklumat

[KPT/JPS(R/482/6/0009)08/16]

Sains Komputer

(Kejuruteraan Perisian)

[KPT/JPS(KR11779)10/15]

Sains Komputer

[KPT/JPS(KR11778)12/15]

Industri Multimedia

[KPT/JPS(KA7878)05/17]

Teknologi Maklumat

(Pengurusan Pengetahuan)

[KPT/JPS(R/482/6/0214)09/17]

Sains Teknologi Maklumat Dengan

Pengurusan Rantaian Bekalan

[KPT/JPS(KA7877)05/17]

Sains Komputer (Keselamatan

Rangkaian dan Digital Forensik)

[KPT/JPS(N/481/6/0259)01/18]

Sains Matematik Dengan Statistik

[KPT/JPS(R/461/6/0001)11/16]

Industri Bioteknologi

[KPT/JPS(KR9126)06/13]

Bioinformatik

[KPT/JPS(KR10587)06/14]

Psikologi Industri

[KPT/JPS(R/311/6/0018)01/18]

Pendidikan (Pengajaran Bahasa

Inggeris Sebagai Bahasa Kedua)

[KPT/JPS(R/145/6/0013)08/16]

Pendidikan

(Pendidikan Awal Kanak-Kanak)

[KPT/JPS(N/143/6/0022)01/17]

Sains Perpustakaan

[KPT/JPS(N/322/6/0002)07/16]

Sains Teknologi Industri

[KPT/JPS(N/540/6/0007)07/17]

Sains Makmal Perubatan

[KPT/JPS(R/725/6/0016)02/17]

Sains Persekitaran

(Kepelbagaian Biologi Dan

Pemuliharaan)

[KPT/JPS(KA9847)12/14]

Kejuruteraan Elektronik

[KPT/JPS(R/523/6/0095)09/17]

Kejuruteraan Elektrik

[KPT/JPS(R/522/6/0025)09/17]

Kejuruteraan Mekanikal

[KPT/JPS(R/521/6/0037)09/17]

Kejuruteraan Awam

[KPT/JPS(R/526/6/0024)09/17]

Pengurusan Industri

[KPT/JPS(R/345/6/0115)10/16]

Perakaunan

[KPT/JPS(KR10548)07/14]

Kewangan

[KPT/JPS(KR 10584)06/14]

Pemasaran

[KPT/JPS(KR10585)06/14]

Pengurusan Perniagaan

[KPT/JPS(KR11678)10/15]

Pengurusan Sumber Manusia

[KPT/JPS(R/345/6/0202)10/17]

Seni Reka Grafik Digital

[KPT/JPS(R/213/6/0007)08/16]

Komunikasi (Kewartawanan)

[KPT/JPS(KA 8960)06/13]

Komunikasi (Komunikasi Korporat)

[KPT/JPS(KA8961)09/13]

Borang Permohonan

Nama:

Alamat:

No. K/P: No. Tel: E-mel:

Program dipohon:

1 |

2 |

3 |

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor
Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor |
FAX : 03-5522 3541/ 5510 9277

Ziarah asnaf LZS pupuk kesedaran orang ramai

Oleh SIRAJ MOHD ZAINI

SHAH ALAM - Diberi peluang melihat dan merasai sendiri kesusahan dan kesempitan hidup insan yang tidak bernasib baik menjadi pengajaran yang berguna kepada orang ramai.

Pengalaman ini dirasai oleh Shamsul Nizam Omar, 38, yang menyertai program Ziarah Asnaf Lembaga Zakat Selangor (LZS) bersama Korporat dan

Media ketika menziarahi pelakon veteran, Maimun Talib di kediamannya di Seksyen 17, Shah Alam baru-baru ini.

Katanya, beliau dapat merasai sendiri kesusahan yang dihadapi Maimun sekeluarga kerana hilang punca pendapatan dan mengalami kesukaran membesarkan lima orang anaknya.

"Tujuan saya mengikuti program hari ini adalah untuk



Roslina Ahmad Derawi (tengah) antara penerima bantuan LZS yang telah berjaya

Mahkota Hills@Sungai Long

Satu-satunya sebab mengapa ianya menjadi mahligai impian anda...

Diskaun 7% untuk Lot Bumiputra

- Rumah Berkembar Dua 2 1/2 Tingkat
- Lot Tanah: 38' x 75'
- Luas Binaan 4,460 kps
- Rekaan Kontemporari dan Moden

- ✓ Terletak di kawasan pembinaan yang tinggi dengan suasana nyaman
- ✓ Berhampiran kemudahan awam seperti AEON Jusco, sekolah, pusat perdagangan dan lain-lain
- ✓ Berdekatan lebuh raya PLUS, LEKAS & SILK

Masmirin Development Sdn. Bhd.
(680072-V)
No. 20, Jalan Yap Ah Shak, 50300 Kuala Lumpur.
Tel: 03-2697 1888 Fax: 03-2202 8928

Untuk Pertanyaan Jualan, Sila Hubungi:
03-2697 1888
* UNIT RUMAH BANDAR SEDIA UNTUK DIJUAL

No. Permit: 11707-1/411/2014(02) • Tempoh Sah: 18.02.2013 - 17.02.2014 • DL No: 11707-1/07-2014/861 • Tempoh Shah: 12.07.2011 - 11.07.2014 • No Pelan Bangunan: B8 (6) dim.MPKJ 6/P/27/2011 • Diluluskan oleh: Majlis Perbandaran Kajang • Bebanan Tanah: Dicagarkan kepada Malayan Banking Berhad • Pegangan Tanah: Pajakan • Tarikh Tamat Pajakan: April 2110 • Sekatan Kepentingan: Tiada • Tarikh Dijangka Siap: Julai 2013 • Jumlah Unit: 26 unit • Harga Jualan: Dari RM1,000,000.00 (Min) - RM1,500,000.00 (Mak) • Bumiputera: Diskaun 7% • Perihal Rumah: Tempat Tinggal Berkembar 2 1/2 Tingkat

mengetahui sejauh mana agihan zakat itu sampai kepada orang yang memerlukan bantuan.

"Kadang-kadang kita rasa kita susah, tapi bila kita ikut program seperti ini, kita tahu ada lagi orang lebih susah daripada kita," katanya yang merupakan bekas pemandu pelancong.

Pelakon veteran berkenaan merupakan penerima zakat LZS sejak setahun lalu kerana mengidap kanser payu dara serta tidak mampu menampung kos perubatan yang tinggi.

Malah, anak perempuan beliau yang kini berusia 17 tahun turut disahkan mengidap penyakit buah pinggang yang memerlukan rawatan segera.

Seorang lagi peserta, Juwita Ezli, 35, berkata, program seperti ini perlu diteruskan pada masa akan datang supaya lebih ramai orang ramai tampil bagi menyalurkan zakat kepada LZS

supaya agihan dapat dilaksanakan secara berhemah.

"Kakak bawa anak sekali, untuk tunjukkan pada mereka bahawa ada lagi orang susah daripada kita, dan saya rasa program seperti ini patut diteruskan dan memang bagus dan baik pada semua," katanya.

Dalam pada itu, Ketua Unit Perhubungan Awam LZS, Hamizul Abdul Hamid, berkata, LZS merasa terpenggil untuk mengadakan program itu bertitik tolak daripada persoalan berkaitan agihan kutipan zakat dan bagaimana ia dimanfaatkan untuk kepentingan semua asnaf.

Dalam pada itu, program sehari tersebut turut singgah di beberapa premis perniagaan asnaf yang menerima bantuan modal LZS dan berjaya keluar daripada kelompok itu setelah berjaya dalam perniagaan masing-masing.



Maimun, mengaminkan doa yang dibacakan Ustaz Hamizul Hamid

MBSA lipat gandakan kutipan sampah

Oleh HAFIZAN TAIB

SUBANG JAYA - Melalui Program Zon Bersih, Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) akan melipatgandakan usaha pengutipan sampah di kawasan se-liannya.

Datuk Bandar Shah Alam, Datuk Jaafar Atan berkata demikian ketika merasmikan Program Zon Bersih Seksyen 2, 3 dan 4 di sini.

Program ini dijayakan menerusi kerjasama antara MBSA dengan masyarakat setempat.

Selain kutipan sampah, MBSA juga akan memperkasakan lagi kutipan sampah haram serta pukal, selain pembersihan longkang dan kerja sapuan jalan.

"Kita melantik 11 ketua daripada kalangan masyarakat Seksyen 2, 3 dan 4, selain 11 ketua daripada pegawai kanan MBSA.

"Maka kedua-dua ketua akan mengadakan perbincangan dan memperhalusi segala inventori yang kita sediakan serta pelan tindakan.

"Dalam tempoh lima bulan, dari Jun hingga Oktober tahun ini, kita akan menggembeling segala usaha dan tenaga daripada masyarakat dan MBSA untuk memastikan Shah Alam sentiasa bersih, indah, mampan, sejahtera dan menimbulkan kegembiraan kepada penduduk," katanya



Datuk Bandar bersama Ketua Parcel MBSA dan Ketua-ketua Parcel Komuniti sedang meneliti buku log untuk mencatat aktiviti parcel

dalam sidang media selepas majlis taklimat Program Zon Bersih di sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, menerusi program itu masyarakat boleh menyuarakan keti dakuasaan hati mengenai tahap kebersihan di kawasan me-reka, di samping masalah dan ke-perluan lain.

"Kerajaan Negeri memperuntukkan kos RM100,000 kepada MBSA di

samping peruntukan menyelenggara MBSA.

"Bagi menampung kekurangan kita akan mencari sumber dari tanggungjawab sosial korporat (CSR) seperti Kumpulan Darul Ehsan Berhad yang menaja 2,000 tong sampah. Tahun ini kita akan berbincang untuk melibatkan anak syarikat Kerajaan Negeri yang lain," ujarnya.

Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor?

Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera di bawah.

MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA (MPAJ)

Tel : 03-4296 8000;
Hotline : 1 -800-22-8100

MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR (MDHS)

Tel : 03-6064 1331
SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888.
untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

MAJLIS PERBANDARAN KLANG (MPK)

Kutipan Sampah
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy); Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)

Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun);
Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826
(Toll-free)

Laman web: www.mpklang.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT (MDKL)

Tel: 03-3187 2825
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.
Laman web: www.mdkl.gov.my

MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR (MDKS)

Tel: 03-3289 1439
Laman web: www.mdks.gov.my

MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM (MDSB)

Tel: 03-3224 1655 / 1000
Laman web: www.mdsb.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG (MPS)

Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06
Laman web: www.mps.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG (MPSP)

Tel: 03-8319 0200 / 0300
Laman web: www.mpsepang.gov.my

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)

Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878
Website: www.mbsa.gov.my

MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA (MPSJ)

Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545
Laman web: www.mpsj.gov.my

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline) / 03-7956 3544 (am)

SMS: Taip "MBPJ ADUAN [aduan]" dan hantar ke 33213

Laman web: www.mbpj.gov.my



MPK utama keselamatan pejalan kaki

KLANG - Bagi memastikan keselamatan pejalan kaki, Majlis Perbandaran Klang (MPK) komited mengedarkan risalah berkaitan tahap kesedaran berkaitan perkara itu.

Pemangku Yang Dipertua MPK, Ehsan Mukri berkata, pengguna jalan raya seharusnya memberi perhatian

dan mengutamakan pejalan kaki memandangkan mereka merupakan kelompok yang berisiko di jalan raya, khususnya di kawasan Klang.

Katanya, kekurangan perhatian dan rasa hormat terhadap pejalan kaki menyebabkan kelompok itu sentiasa menghadapi risiko kematian

dan kecederaan akibat dilanggar pemandu.

"Program yang diadakan ini adalah inisiatif MPK bersama Jabatan Keselamatan Jalan Raya (JKJR) dan polis bagi meningkatkan kesedaran masyarakat untuk mengutamakan keselamatan di jalan raya, khususnya golongan pejalan kaki.

"Malah pada masa yang sama program yang diadakan ini juga secara tidak langsung menggalakkan orang ramai menggunakan jejantas ketika melintas jalan raya bagi mengelakkan mereka menanggung risiko terutama pada waktu puncak," katanya dalam satu kenyataan.

Dalam program itu, ketiga-tiga agensi yang terlibat mengedarkan risalah berkaitan keselamatan pejalan kaki yang disediakan JKJR dalam usaha memastikan pejalan kaki sentiasa diutamakan dan diberi perhatian selak.



Penguatkuasa MPK mengedarkan risalah berkaitan keselamatan pejalan kaki di kawasan awam



DIHARGAI... Exco Kebajikan dan Hal Ehwal Wanita, Rodziah Ismail meraikan 150 golongan wanita sempena sambutan Hari Ibu di Kampung Sungai Buaya. Rodziah berkesempatan menerangkan program-program dari Pelan Tindakan Wanita Selangor yang bertujuan memberdaya wanita, membina jaringan dan sinergi di kalangan mereka dan meningkatkan kualiti hidup wanita dan keluarga mereka. Beliau juga merakamkan terima kasih kepada rakyat dan kesyukuran di atas kemenangan mengekalkan pentadbiran Pakatan Rakyat di Selangor dengan mendapat dua pertiga

Tunai janji pada Kampung Sri Indah

341 keluarga bakal dapat geran

Oleh NAZLI IBRAHIM

SUNGAI BULOH - Tidak alpa dengan kejayaan merampas kerusi tradisi DUN Umno-BN dalam Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) lalu, Adun Paya Jaras, Mohd Khairuddin Othman meneruskan usaha mendapatkan geran tanah 341 keluarga di Kampung Sri Indah A dan Sri Indah B, Paya Jaras.

Menurut Khairuddin, meskipun sudah mendiami kampung tersebut kira-kira lebih 30 tahun lalu, Kerajaan Negeri di bawah Umno-BN sebelum ini gagal menyelesaikan masalah tersebut.

Bagaimanapun usaha yang dijalankan Khairuddin sejak lebih setahun lalu itu akhirnya bakal membuahkan hasil apabila proses mengeluarkan geran kepada penduduk terlibat kini berada di peringkat akhir.

"Alhamdulillah... permohonan itu sudah diluluskan Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri sebelum pembubaran tempoh hari lagi dan sekarang hanya tinggal proses menge-

luarkan surat tawaran (Bo- rang 5A).

"Permohonan ini melalui satu proses yang panjang, lebih setahun turun naik pejabat, hinggalah baru ini Pejabat Daerah Gombak beritahu ia dalam proses untuk dikeluarkan pejabat tersebut selepas diluluskan Mesyuarat Exco, maknanya dah tak lama lagi.

"Terima kasih kepada pihak terlibat seperti Pegawai Daerah, Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan dan pegawai-pegawainya yang berusaha keras dan juga Kerajaan Negeri," kata beliau.

Pada 2008, Kerajaan Negeri menerusi Skim Pemilikan Kediaman Persendirian berazam memberi peluang kepada golongan tersebut memiliki tanah kediaman tersebut secara sah.

Selain itu, Kerajaan Negeri turut mengurangkan bayaran premium tanah kepada RM1,000 bagi mengurangkan bebanan golongan itu untuk memiliki tanah yang mengempatkan kediaman masing-masing secara sah.

UNIT TERHAD UNTUK BUMIPUTRA
60% Siap Pembinaan

SINAR SAMUDRA

RUMAH TERES MODEN @ BATU CAVES



Rumah Teres
2½ Tingkat
22' x 70'

- Lokasi Strategik
- Laluan Mudah ke MRR2, -DUKE, Jln Sentul & Jln Ipoh
- Luas Binaan 2,970 kps
- 5 Bilik Tidur/4 Bilik Mandi
- Laman Bumbung di Tingkat 2
- 3 Fasa 60 Amp
- Sistem Pemanas Air Suria

RM916,515*
*Harga Bumiputra

*Gamboran artis sahaja

Tawaran Hebat Pakej Bumi!

- Bayaran pendahuluan RM15,000*
 - Rebat Bumi istimewa*
 - 7% diskaun untuk Bumiputra*
 - Yuran dibiayai oleh pemaju
 - Yuran guaman perjanjian jual-beli*
 - Yuran guaman perjanjian pinjaman*
 - Duti setem perjanjian pinjaman*
 - Caj penyelenggaraan tahun pertama*
- *Tertakluk kepada terma & syarat.



Pemaju:
Absolute Estate Sdn Bhd
(A Member of Wangsa Group) (Co. No. 893758-X)
No.39, Jalan 5/62A, Bandar Manjalara, 52200 Kepong, K.L.

• No. Lesen Pemaju: 11523-1/11-2015/1609 (Tempoh Saji: 28-11-2012 sehingga 27-11-2015) • No. Permit Iktan & Jualan: 11523-1/2926/2013(12) (Tempoh Saji: 04-12-2012 sehingga 03-12-2013) • Jumlah Unit: Rumah Teres 2½ & 3 Tingkat 22'x70' (Jenis A) - 20 unit / Rumah Teres 2½ & 3 Tingkat 22'x72.5' (Jenis B) - 36 unit • Harga: Jenis A - RM988,736(min) - RM1,332,406(max) / Jenis B - RM1,068,816(min) - RM1,430,969(max) • Diskaun Bumiputera: 7% untuk unit dibawah kuasa Bumiputera • Pagar Tanah Hakmilik Sementara: Pajakan 99 tahun sehingga 22 Ogos 2106 • Bebanan Tanah: Dipajak kepada United Overseas Bank (Malaysia) Berhad • Pihak Berkuasa yang meluluskan: Majlis Perbandaran Selangor • No. Pelan Bangunan: MPS 11/3/0/1067(KT)-1 • Tarikh dijangka siap: Disember 2014 • Sekatan-Sekatan Kepentingan - Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai setelah mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Iklan ini tidak boleh digunakan untuk mempromosikan sebarang kontrak. Informasi yang terdapat di sini ini mungkin akan diubah atau dikurangkan atau dipinda dari masa ke semasa tanpa notis di atas kehendak pihak berkuasa atau pihak konsultan projek. Semua gambar dan lukisan adalah gamboran artis sahaja. Semua informasi di sini adalah tepat pada masa cetakan. Sila hubungi wakil penjualan pemaju untuk informasi terkini.

Sila Hubungi:
016-208 3450
(Pejabat Jualan)
012-366 7490
www.wangsa.com.my



Khairuddin menunjukkan bakat memasak nasi goreng sewaktu Jamuan Terima Kasih Rakyat di DUN Paya Jaras

Rakyat sambut baik rancangan saham air

Oleh KHAIRUDDIN JAMALUDDIN

AMPANG - Rakyat Selangor, khususnya penduduk sekitar Ampang dan Hulu Kelang berpendapat, saham air yang mahu diperkenalkan oleh Menteri Besar Selangor adalah cara terbaik bagi menyelesaikan masalah pengedaran dan bekalan air di seluruh negeri.

Di dalam temu bual bersama TV Selangor, mereka berkata, apabila rakyat memegang saham air, operasi industri tersebut boleh dipantau dan masalah kualiti boleh dikawal.

Sejak dari awal tahun ini, penduduk Ampang, Hulu Kelang, Wangsa Maju dan Pandan sering menghadapi masalah gangguan bekalan disebabkan kerosakkan pada rumah pam Wangsa Maju bermula pada bulan Januari.

Rumah pam tersebut dikendalikan Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), syarikat swasta yang bertanggungjawab terhadap pengagihan air terawat di Selangor, Kuala Lumpur

dan Putrajaya.

David Lim berpendapat, saham air yang dipegang oleh rakyat akan mengembalikan kuasa terhadap utiliti yang sangat penting itu kepada masyarakat awam setelah ia didominasi segelintir individu yang berkepentingan.

"Sekurang-kurangnya rakyat mempunyai hak bersuara mengenai kepentingan air di Selangor," kata David yang merupakan penghuni Taman Dagang, Bandar Baru, Ampang.

Seorang lagi penduduk yang mahu dikenali sebagai Siti Abdullah pula mahu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah bekalan yang sering putus-putus di kawasan Ampang.

"Saya sokong sekiranya Kerajaan Negeri tidak membebaskan rakyat, maksudnya untuk ambil alih industri air," kata Siti Abdullah.

Manakala Mohd Adzahar Rusali

berpendapat, rancangan saham air Kerajaan Negeri sangat bermfaat kepada rakyat seperti pemberian air percuma 20 meter padu yang selama ini meringankan beban rakyat.



Adzahar Rusali



Siti Abdullah

"Selangor memberi saham pada rakyat Selangor, itu satu kemudahan yang sangat tinggi bagi kita. Dan saya menyokong penuh Kerajaan Negeri yang memerintah sekarang," kata penghuni Taman Dato Ahmad Razali itu.

Penawaran saham industri air kepada pengguna di Selangor sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk menstruktur semula perkhidmatan air dari peringkat bekalan, rawatan sehingga ke pengaliran.

Kerajaan Negeri sudah menawarkan RM9.6 bilion kepada empat syarikat swasta bagi mengambil alih operasi rawatan dan pengedaran daripada mereka.

Tiada Langat 2 tanpa penstrukturan air

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri akan terus mempertahankan pendirian bahawa projek Loji Langat 2 hanya boleh diteruskan dengan penstrukturan semula industri air Selangor.

Adun Sri Andalas, Dr Xavier Jayakumar memberi amaran kepada Kerajaan Persekutuan supaya tidak memaksa pembinaan projek itu tanpa persetujuan Kerajaan Negeri Selangor.

"Kita ingin beri amaran kepada (Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air) Datuk Seri Mahdzir Khalid agar tidak terus langgar (bulldozer) pembinaan Loji Langat 2 tanpa kebenaran dan kelulusan Kerajaan Negeri.

"Hak terhadap tanah dan

pengurusan air adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri seperti diperuntukan Perlembagaan," katanya dalam satu kenyataan media.

Mahdzhir yang dipetik akhbar tempatan menyatakan, Kerajaan Pusat bersedia meneruskan perbincangan mengenai isu air di Lembah Klang, Kuala Lumpur dan Putrajaya bersama Kerajaan Negeri.

Justeru, Dr Xavier berkata, Kerajaan Selangor mengalu-alukan usaha itu, tetapi harus mengambil kira 'roh' dan semangat Akta Perkhidmatan Industri Air (WSIA 2006).

Sebelum ini, beberapa siri perbincangan bersama mantan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Datuk Seri Peter Chin serta beberapa pegawai Kementerian gagal mencapai

persetujuan bersama.

Dr Xavier mendakwa Peter serta pegawai Kementerian dilihat lebih cenderung menyebelahi Syabas.

Keadaan bertambah buruk apabila Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin serta beberapa pemimpin Umno-BN Selangor seperti Datuk Seri Noh Omar dan Datuk Ir Mohd Zain Mohamed menentang proses pengambil alihan ini.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
31 MEI - 7 JUN 2013							
21 - 28 REJAB 1434H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
31 Jumaat	5:29	5:39	7:02	1:14	4:38	7:22	8:37
01 Sabtu	5:29	5:39	7:02	1:14	4:39	7:22	8:37
02 Ahad	5:29	5:39	7:02	1:14	4:39	7:23	8:38
03 Isnin	5:29	5:39	7:02	1:14	4:39	7:23	8:38
04 Selasa	5:30	5:40	7:02	1:14	4:39	7:23	8:38
05 Rabu	5:30	5:40	7:03	1:14	4:40	7:23	8:38
06 Khamis	5:30	5:40	7:03	1:15	4:40	7:23	8:39
07 Jumaat	5:30	5:40	7:03	1:15	4:40	7:24	8:39
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
31 Jumaat	5:31	5:41	7:04	1:16	4:40	7:24	8:39
01 Sabtu	5:31	5:41	7:04	1:16	4:41	7:24	8:39
02 Ahad	5:31	5:41	7:04	1:16	4:41	7:25	8:40
03 Isnin	5:31	5:41	7:04	1:16	4:41	7:25	8:40
04 Selasa	5:31	5:41	7:04	1:16	4:41	7:25	8:40
05 Rabu	5:32	5:42	7:05	1:16	4:42	7:25	8:41
06 Khamis	5:32	5:42	7:05	1:17	4:42	7:26	8:41
07 Jumaat	5:32	5:42	7:05	1:17	4:42	7:26	8:41

Kerajaan Selangor mengalu-alukan usaha itu, tetapi harus mengambil kira 'roh' dan semangat Akta Perkhidmatan Industri Air (WSIA 2006)

XAVIER JAYAKUMAR
Adun Sri Andalas



TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

SKIM MESRA USIA EMAS
Rantaian Mesra Sdn Bhd, Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455
emel: mesrausiaemas@gmail.com

HADIAH ANAK MASUK IPT Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam
Tel: 03-55447385 atau 03-55212275 Faks: 03-55104095 atau 03-55110659

PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN
Kumpulan Semesta Sdn. Bhd. Tingkat 5, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736
email : info@semesta.com.my
Laman Web : www.semesta.com.my

TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor, Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618.
Faks : 03-5510 6678

PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622.
Faks : 5519 3304

BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU
Kumpulan Darul Ehsan Berhad, 16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977
Emel: communications@kdeb.com

SKIM KESIHATAN WANITA
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)
Mimbar Selangor, A23, Pusat Perniagaan Jubli 20, Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617
Laman Web http://www.mimbarselangor.org

SKIM MIKROKREDIT SELANGOR
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor, Tingkat 2, Bangunan SultanSalahuddin Abdul Aziz Shah, 4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-55447104/ 03-55191692/ 03-55212312
Fax : 03-551055829 Laman Web http://www.skimisel.com

PUSAT DIALISIS RAKYAT
Rantaian Mesra Sdn. Bhd. Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan, No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455
Laman Web http://www.e-mesra.org.my

PUSAT TUISYEN RAKYAT
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, 40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5544 7480/7481/7482/7543
Faks: 03-55104095/ 55135564/ 55447391
Blog http://tuisyenrakyat.blogspot.com



RAKYAT BANGKIT... Orang ramai menyalakan lilin sebagai bantahan terhadap Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) kerana penyelewengan dalam Pilihan Raya Umum Ke 13 baru-baru ini. Pengerusi Solidariti Anak Muda Malaysia (SAMM), Badrul Hisham Shaharin atau Che'GuBard mengepalai gabungan 50 NGO dalam perhimpunan 'Suara Rakyat 505' di padang bersebelahan Amcorp Mall, Petaling Jaya, pada 25 Mei lalu



Buka lembaran baru penstrukturan semula industri air

Tunggu jawapan Dr Maximus

Oleh HAFIZAN TAIB

KLANG - Perbincangan dengan Kerajaan Persekutuan mengenai industri air Selangor akan dimulakan kembali dan dapat diselesaikan dalam masa terdekat.

Proses pengambilalihan operasi rawatan dan pengedaran air di Selangor, Kuala Lumpur dan Putrajaya daripada empat syarikat swasta dapat disempurnakan bagi memastikan pengguna mendapat bekalan yang cukup, berterusan dan pada harga berpatutan.

Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, surat rasmi mengenai perbincangan sudah dihantar Isnin lalu kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau

Keutamaan kita ialah untuk meningkatkan perkhidmatan pembekalan air kepada rakyat Selangor dan Lembah Klang menerusi penstrukturan semula perkhidmatan air seperti yang dikehendaki Akta Industri Perkhidmatan Air atau WSIA

ABDUL KHALID
Menteri Besar

dan Air yang baru, Datuk Seri Dr Maximus Ongkili.

Surat tersebut sebagai respons Kerajaan Negeri kepa-

da kenyataan Dr Maximus minggu lepas yang mahu bertemu dan berbincang dengan Selangor tentang perkhidmatan air di Selangor.

Abdul Khalid berharap Kementerian akan memberi respons segera supaya satu perbincangan dapat dilakukan dalam tempoh terdekat.

"Keutamaan kita ialah untuk meningkatkan perkhidmatan pembekalan air kepada rakyat Selangor dan Lembah Klang menerusi penstrukturan semula perkhidmatan air seperti yang dikehendaki Akta Industri Perkhidmatan Air atau WSIA.

"Saya telah menghantar surat rasmi kepada Dr Maximus Ongkili untuk mengadakan perbincangan bagi memuktamadkan proses penstrukturan

ini," katanya dalam sidang media selepas majlis angkat sumpah ahli jemaah Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri di Istana Alam Shah di sini.

Proses penstrukturan semula industri air dimulakan oleh Kerajaan Negeri pada tahun lepas sebagai usaha mengambil alih operasi bekalan, rawatan dan pengedaran daripada empat syarikat swasta.

Kerajaan Negeri menawarkan RM9.65 bilion untuk mengambil alih empat syarikat tersebut dan setakat ini mereka memberi respons positif terhadap tawaran itu.

Minggu lalu, Dr Maximus menyatakan hasrat bertemu dengan Abdul Khalid dalam cadangan untuk menstruktur semula industri air di Selangor

supaya satu kesimpulan secara baik akan dapat dicapai.

Dr Maximus berkata, beliau harap untuk duduk bersama dengan Abdul Khalid untuk meneroka bahagian yang Kerajaan Persekutuan boleh bekerjasama dengan Kerajaan Negeri.

Untuk
informasi &
Berita terkini
Layari

www.selangorku.com

mediaselangorku

